



NEGERI SABAH

[JPAN: 700-3/2 JLD.3/(99)]

PEKELILING PERKHIDMATAN NEGERI SABAH BIL. 8/2022 BANTUAN KHAS KEWANGAN TAHUN 2023

TUJUAN

1. Pekeling Perkhidmatan ini bertujuan melaksanakan keputusan Kerajaan untuk memberi Bantuan Khas Kewangan Tahun 2023 kepada semua pegawai Perkhidmatan Awam Negeri.

LATAR BELAKANG

2. Kerajaan melalui pembentangan Ucapan Belanjawan Negeri Sabah Tahun 2023 oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sabah pada 25 November 2022 telah bersetuju memberi Bantuan Khas Kewangan Tahun 2023 sebanyak setengah bulan gaji atau minimum RM1,000.00 kepada semua pegawai Perkhidmatan Awam Negeri. Insentif ini diharapkan akan memberi suntikan semangat kepada Penjawat Awam Negeri untuk berusaha lebih gigih demi meningkatkan mutu perkhidmatan kepada rakyat.

“SABAH MAJU JAYA”

PEGAWAI YANG LAYAK

3. Pembayaran Bantuan Khas Kewangan Tahun 2023 **layak** diberikan kepada semua Pegawai Perkhidmatan Awam Negeri yang masih berkhidmat pada 17 Januari 2023 seperti yang berikut:
 - 3.1 pegawai lantikan tetap, sementara dan *Contract of Service* (COS);
 - 3.2 pegawai yang bercuti bergaji penuh;
 - 3.3 pegawai yang bercuti separuh gaji;
 - 3.4 pegawai yang bercuti tanpa gaji; dan
 - 3.5 pegawai yang dipinjamkan termasuk ke agensi yang diasingkan pengurusan saraannya. Bantuan Khas Kewangan Tahun 2023 ini akan dibayar oleh agensi yang menerima peminjaman pegawai.
4. Bantuan Khas Kewangan Tahun 2023 sebanyak setengah bulan gaji atau minimum sebanyak RM1,000.00 turut dipanjangkan kepada :
 - 4.1 Pekerja Sambilan Harian (PSH) yang masih berkhidmat pada 17 Januari 2023 dengan syarat tempoh kontraknya telah berkuat kuasa sekurang-kurangnya 30 hari berturut-turut;
 - 4.2 Pegawai lantikan politik yang berkhidmat di Unit Pemimpin Pembangunan Masyarakat; dan
 - 4.3 Pegawai Kerajaan lantikan vot terbuka.

“SABAH MAJU JAYA”

PESARA

5. Pesara Kerajaan yang menerima pencen dan termasuk penerima pencen terbitan di bawah undang-undang pencen serta pesara Skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) yang bersara daripada perkhidmatan awam apabila mencapai opsyen umur persaraan **pada atau sebelum 17 Januari 2023** akan dibayar sebanyak RM350.00 oleh Bahagian Pencen, Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia.
6. Pesara yang dilantik semula secara *Contract of Service* (COS) atau secara sementara dan masih berkhidmat pada 17 Januari 2023 layak dibayar Bantuan Khas Kewangan Tahun 2023 sebanyak setengah bulan gaji atau minimum RM1,000.00 oleh jabatan di mana pegawai sedang berkhidmat.

PEGAWAI MENINGGAL DUNIA DALAM PERKHIDMATAN

7. Pegawai Perkhidmatan Awam Negeri yang meninggal dunia pada 17 Januari 2023 layak diberi Bantuan Khas Kewangan Tahun 2023 sebanyak setengah bulan gaji atau minimum RM1,000.00.

PEGAWAI YANG TIDAK LAYAK

8. Bantuan Khas Kewangan Tahun 2023 ini **tidak diberikan** kepada:
 - 8.1 pegawai yang dijatuhkan hukuman tata tertib dalam tempoh 1 Januari 2023 hingga 17 Januari 2023 ;
 - 8.2 pegawai yang ditamatkan perkhidmatan demi kepentingan awam dalam tempoh 1 Januari 2023 hingga 17 Januari 2023;

“SABAH MAJU JAYA”

- 8.3 pegawai yang meletak jawatan dalam tempoh 1 Januari 2023 hingga 17 Januari 2023; dan
- 8.4 pegawai berpencen yang melepaskan hak pencen kerana menyertai Badan Berkanun Yang Diasingkan Saraannya.

PEGAWAI YANG DITANGGUHKAN BANTUAN KHAS KEWANGAN

9. Pegawai yang ditahan kerja, digantung kerja atau surat pertuduhan telah dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Tatatertib akan ditangguhkan pemberian Bantuan Khas Kewangan Tahun 2023 ini. Pegawai hanya layak dibayar sekiranya Pihak Berkuasa Tatatertib mendapati pegawai tersebut tidak bersalah.

TARIKH PEMBAYARAN

10. Bantuan Khas Kewangan Tahun 2023 ini akan dibayar serentak dengan pembayaran gaji bulan Januari 2023.

TANGGUNGJAWAB PEMBAYARAN

11. Pembayaran Bantuan Khas Kewangan Tahun 2023 ini adalah menjadi tanggungan jabatan di mana pegawai berkhidmat pada tarikh pembayaran.

TARIKH KUAT KUASA

12. Pekeliling Perkhidmatan ini berkuat kuasa mulai tarikh ia dikeluarkan.

“SABAH MAJU JAYA”

PEMAKAIAN

13. Tertakluk kepada penerimaan pakai Pekeliling Perkhidmatan ini oleh pihak berkuasa masing-masing, peruntukan Pekeliling Perkhidmatan ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Pihak Berkuasa Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



[DATUK SERI PANGLIMA Sr. HAJI SAFAR UNTONG, JP]
Setiausaha Kerajaan Negeri

Tarikh: **03 JAN 2023**

s.k.: Setiausaha Tetap
Kementerian Kewangan Negeri Sabah
Blok C, Menara Kinabalu
Jalan Teluk Likas, Tanjung Lipat
88400 KOTA KINABALU

Bendahari Negeri
Jabatan Bendahari Negeri Sabah
Tingkat 8,9,10 dan 11, Blok A, Menara Kinabalu
Jalan Teluk Likas, Tanjung Lipat
88400 KOTA KINABALU

“SABAH MAJU JAYA”

Diedarkan kepada :

Semua Setiausaha Tetap Kementerian Negeri
Semua Ketua Jabatan Negeri
Semua Pihak Berkuasa Berkanun Negeri
Semua Pihak Berkuasa Tempatan Negeri
Semua Pegawai Daerah
Semua Penolong Pegawai Daerah, Daerah Kecil

“SABAH MAJU JAYA”

SOALAN LAZIM
BANTUAN KHAS KEWANGAN TAHUN 2023

A. PENJAWAT AWAM

BIL.	SOALAN	KELAYAKAN
Pelaksanaan		
1.	Siapakah penjawat awam yang layak dibayar Bantuan Khas Kewangan Tahun 2023?	<p>Bantuan Khas Kewangan Tahun 2023 dibayar kepada semua pegawai Perkhidmatan Awam Negeri dengan syarat pegawai masih berkhidmat pada 17 Januari 2023.</p> <p>Turut layak diberi kepada pegawai yang bercuti bergaji penuh, pegawai yang bercuti separuh gaji, pegawai yang bercuti tanpa gaji dan pegawai yang dipinjamkan termasuk ke agensi yang diasingkan pengurusan saraannya.</p>
Pegawai Perkhidmatan Awam Lantikan Baharu		
2.	Adakah Pegawai yang baharu dilantik pada 16 Januari 2023, layak Bayaran Bantuan Khas Kewangan Tahun 2023?	Pegawai yang baharu dilantik dan telah melapor diri bertugas sebelum 17 Januari 2023 layak menerima Bantuan Khas Kewangan Tahun 2023.
Pegawai Bercuti Separuh Gaji/ Tanpa Gaji		
3.	Adakah pegawai yang bercuti separuh gaji/tanpa gaji sepanjang tempoh 1 Januari 2023 hingga 17 Januari 2023 layak menerima Bantuan Khas Kewangan Tahun 2023?	Layak.
Pegawai Peminjaman		
4.	Adakah pegawai yang dipinjamkan ke Gred Utama/Khas layak menerima Bantuan Khas Kewangan Tahun 2023?	Layak. Pegawai layak dibayar Bantuan Khas Kewangan Tahun 2023, walau bagaimanapun bagi pegawai yang dipinjamkan ke agensi yang diasingkan pengurusan saraannya, Bantuan Khas Kewangan Tahun 2023 hendaklah dibayar oleh agensi yang menerima pinjaman.

“SABAH MAJU JAYA”

BIL.	SOALAN	KELAYAKAN	
Pegawai Contract of Service			
5.	Adakah seorang pegawai <i>Contract of Service</i> layak diberi Bantuan Khas Kewangan Tahun 2023 sekiranya beliau berkhidmat mulai 14 Oktober 2022 hingga 13 Januari 2023 dan tidak lagi berkhidmat selepas tarikh tamat kontrak tersebut?	Tidak layak. Pegawai tidak lagi berada dalam perkhidmatan pada 17 Januari 2023 (tarikh pembayaran).	
6.	Adakah seorang pegawai <i>Contract of Service</i> yang dilantik pada 1 April 2022 hingga 31 Mac 2023 layak diberi Bantuan Khas Kewangan Tahun 2023?	Layak. Pegawai layak menerima Bantuan Khas Kewangan 2023 dengan syarat masih berada dalam perkhidmatan pada 17 Januari 2023 (tarikh pembayaran).	
7.	Adakah pesara yang dilantik semula secara <i>Contract of Service</i> (COS) dan masih berkhidmat pada 17 Januari 2023 layak dibayar Bantuan Khas Kewangan Tahun 2023?	Layak. Pesara yang dilantik semula secara <i>Contract of Service</i> (COS) dan masih berkhidmat pada 17 Januari 2023 layak dibayar Bantuan Khas Kewangan Tahun 2023 sebanyak setengah bulan gaji atau minimum RM1,000.00 oleh jabatan di mana pegawai sedang berkhidmat.	
Pekerja Sambilan Harian (PSH)			
8.	Adakah PSH layak menerima Bantuan Khas Kewangan Tahun 2023 yang kontraknya berkuat kuasa mulai 1 November 2022 hingga 31 Disember 2022 dan kemudiannya telah diperbaharui kontraknya berkuat kuasa 4 Januari 2023 sehingga 30 Jun 2023 layak diberi Bantuan Khas Kewangan Tahun 2023?	Layak. Pemberian Bantuan Khas Kewangan Tahun 2023 turut dipanjangkan kepada Pekerja Sambilan Harian (PSH) tertakluk kepada syarat tempoh kontraknya telah berkuat kuasa sekurang-kurangnya 30 hari berturut-turut termasuk Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Mingguan dan Hari Kelepasan Am serta masih berkhidmat pada tarikh 17 Januari 2023 (tarikh pembayaran) tersebut. Tempoh perkhidmatan kontrak terdahulu (1 November 2022 hingga 31 Disember 2022) boleh diambil kira bagi tujuan melengkapkan pengiraan 30 hari berturut-turut kerana jurang (gap) 1 atau 2 hari di antara kontrak terdahulu dengan kontrak baharu dengan syarat Pekerja Sambilan Harian tersebut masih berada dalam perkhidmatan pada 17 Januari 2023.	

“SABAH MAJU JAYA”

BIL.	SOALAN	KELAYAKAN
	...sambungan...	Kontrak yang mempunyai tempoh jurang yang melebihi 2 hari Ketua Jabatan boleh mempertimbangkan kontrak yang tempoh jurang (gap) atas sebab Hari Rehat Mingguan dan Hari Kelepasan Am bagi melengkapkan pengiraan 30 hari berturut-turut.
9.	Adakah Pekerja Sambilan Harian (PSH) yang telah berkhidmat pada 15 November 2022 hingga 31 Disember 2022 layak diberi Bantuan Khas Kewangan Tahun 2023?	Tidak layak. Pekerja Sambilan Harian (PSH) tidak layak diberi Bantuan Khas Kewangan Tahun 2023 kerana tidak lagi berada dalam perkhidmatan pada 17 Januari 2023.
10.	Adakah Pekerja Sambilan Harian (PSH) yang telah dilantik pada 6 September 2022 dan tamat tempoh perkhidmatan selama 3 bulan pada 5 Disember 2022, kemudian dilantik semula pada 4 Januari 2023 hingga 30 Jun 2023 layak diberi Bantuan Khas Kewangan Tahun 2023?	Tidak layak. Pekerja Sambilan Harian (PSH) tidak layak diberi Bantuan Khas Kewangan Tahun 2023 kerana kontraknya yang sedang berkuat kuasa (kontrak mulai 4 Januari 2023) tidak memenuhi tempoh 30 hari berturut-turut seperti yang ditetapkan dalam perenggan 4.1, Pekeliling Perkhidmatan Negeri Sabah Bil. 8/2022.
11.	Adakah Pekerja Sambilan Harian (PSH) yang dilantik bermula pada 3 Januari 2023 dan masih berkhidmat pada 17 Januari 2023 layak diberi Bantuan Khas Kewangan Tahun 2023?	Tidak layak. Pekerja Sambilan Harian (PSH) tidak layak diberi Bantuan Khas Kewangan Tahun 2023 kerana kontraknya yang sedang berkuat kuasa (kontrak mulai 1 Januari 2023) tidak memenuhi tempoh 30 hari berturut-turut seperti yang ditetapkan dalam perenggan 4.1, Pekeliling Perkhidmatan Negeri Sabah Bil. 8/2022.
Hukuman Tatatertib		
12.	Adakah pegawai yang dijatuhkan hukuman amaran pada 10 Januari 2023 oleh Pihak Berkuasa Tatatertib Kementerian/Jabatan layak diberi Bantuan Khas Kewangan Tahun 2023?	Tidak layak. Pegawai tidak layak diberi Bantuan Khas Kewangan Tahun 2023 kerana hukuman amaran adalah turut merupakan salah satu daripada jenis hukuman tatatertib mengikut Peraturan 246, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam Negeri Sabah 2008.
13.	Adakah pegawai yang telah dijatuhkan hukuman tatatertib pada November 2022 dan pelaksanaan hukumannya berlanjutan melangkaui tempoh 1 Januari 2023 layak diberi Bantuan Khas Kewangan Tahun 2023?	Tidak Layak. Pegawai tidak layak diberi Bantuan Khas Kewangan Tahun 2023 kerana hukuman tatatertib berkenaan telah dijatuhkan dalam tempoh 1 Januari 2023 hingga 17 Januari 2023.

“SABAH MAJU JAYA”

BIL.	SOALAN	KELAYAKAN
Meninggal Dunia Dalam Perkhidmatan		
14.	Adakah pegawai yang meninggal dunia pada 17 Januari 2023 layak menerima Bantuan Khas Kewangan Tahun 2023?	<p>Layak.</p> <p>Pegawai layak menerima Bantuan Khas Kewangan Tahun 2023 sebanyak setengah bulan gaji atau minimum RM1,000.00. Bantuan Khas Kewangan Tahun 2023 itu akan dibayar oleh jabatan terakhir pegawai berkhidmat.</p>
15.	Adakah pegawai yang dipinjamkan ke agensi yang diasingkan pengurusan saraannya atau badan antarabangsa atau syarikat swasta sepanjang tempoh 1 Januari 2023 hingga 17 Januari 2023 layak menerima Bantuan Khas Kewangan Tahun 2023?	<p>Layak.</p> <p>Bantuan Khas Kewangan Tahun 2023 akan dibayar oleh agensi yang menerima peminjaman pegawai (agensi peminjam).</p>
Pengkorporatan/ Penswastaan dan Pengasingan		
16.	Adakah pegawai yang dipinjamkan ke agensi yang diasingkan pengurusan saraannya atau badan antarabangsa atau syarikat swasta sepanjang tempoh 1 Januari 2023 hingga 17 Januari 2023 layak menerima Bantuan Khas Kewangan Tahun 2023?	<p>Layak.</p> <p>Bantuan Khas Kewangan Tahun 2023 akan dibayar oleh agensi yang menerima peminjaman pegawai (agensi peminjam).</p>
Meletak Jawatan/ Berhenti/ Ditamatkan Perkhidmatan		
17.	Adakah pegawai Perkhidmatan Awam Negeri yang meletak jawatan/ berhenti/ditamatkan perkhidmatan demi kepentingan awam dalam tempoh 1 Januari 2023 hingga 17 Januari 2023 layak diberi Bantuan Khas Kewangan Tahun 2023?	<p>Tidak layak.</p> <p>Pegawai Perkhidmatan Awam Negeri yang meletak jawatan/ berhenti/ ditamatkan perkhidmatan demi kepentingan awam dalam tempoh 1 Januari 2023 hingga 17 Januari 2023 tidak layak diberi Bantuan Khas Kewangan Tahun 2023 kerana pegawai tidak lagi berada dalam perkhidmatan.</p>

“SABAH MAJU JAYA”

B. PESARA KERAJAAN

BIL.	SOALAN	KELAYAKAN
Pesara		
18.	Siapakah pesara yang layak dibayar Bantuan Khas Kewangan Tahun 2023?	<p>Pesara Kerajaan yang menerima pencen di bawah undang-undang pencen/Peraturan-Peraturan Angkatan Tetap (Pencen, Ganjaran dan Faedah-Faedah Lain) 1982 yang bersara pada atau sebelum 17 Januari 2023 bagi semua gred di dalam:</p> <ul style="list-style-type: none"> I. Perkhidmatan Awam Persekutuan (termasuk Polis Diraja Malaysia) dan Negeri; II. Perkhidmatan Pihak Berkuasa Berkanun (Persekutuan dan Negeri) dan Pihak Berkuasa Tempatan; III. Perkhidmatan Angkatan Tentera Malaysia; dan IV. Pesara Skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) yang bersara mengikut opsyen umur persaraan sahaja (55 tahun, 56 tahun, 58 tahun atau 60 tahun).
19.	Siapakah penerima pencen yang layak dibayar Bantuan Khas Kewangan Tahun 2023?	Penerima pencen yang layak adalah penerima pencen perkhidmatan, pencen hilang upaya, pencen terbitan dan pencen tanggungan, pencen orang tanggungan, elaun tanggungan, elaun bersara dan elaun bersara terbitan sehingga 17 Januari 2023.
20.	Adakah penerima pencen terbitan turut layak dibayar Bantuan Khas Kewangan Tahun 2023?	<p>Layak.</p> <p>Bagi penerima pencen terbitan yang lebih daripada seorang Bantuan Khas Kewangan Tahun 2023 akan dibayar berdasarkan pembahagian sama rata mengikut akaun penerima pencen.</p>

“SABAH MAJU JAYA”

BIL.	SOALAN	KELAYAKAN
Pesara		
21.	Adakah pegawai yang bersara selepas 17 Januari 2023 layak menerima Bantuan Khas Kewangan Tahun 2023?	Layak dibayar dengan kadar Penjawat Awam sebanyak setengah bulan gaji atau minimum RM1,000.00.
22.	Adakah pesara/penerima pencen yang tidak bermastautin di Malaysia layak menerima Bantuan Khas Kewangan Tahun 2023?	Layak. Pesara yang menerima pencen/ penerima pencen yang tidak bermastautin di Malaysia layak menerima Bantuan Khas Kewangan Tahun 2023.
23.	Siapakah pesara/penerima pencen terbitan yang tidak layak menerima Bantuan Khas Kewangan Tahun 2023?	Pesara/penerima pencen terbitan yang tidak layak adalah: i) Perkhidmatan sebagai Ahli Parlimen atau Anggota Pentadbiran; ii) Perkhidmatan sebagai Setiausaha Politik; iii) Perkhidmatan sebagai Hakim; iv) Penerima pencen Skim Pencen Balu dan Anak Yatim (Semenanjung, Sabah dan Sarawak); v) Penerima bayaran Ex-Gratia Bencana Kerja di bawah 1PP: WP6.3-Pengurusan Wang Awam; vi) Penerima pencen terbitan di bawah undang-undang pencen/Peraturan-Peraturan Angkatan Tetap (Pencen, Ganjaran dan Faedah-Faedah Lain) 1982 kerana kematian pegawai dalam perkhidmatan selepas 25 Januari 2023; dan vii) Pegawai berpencen yang melepaskan hak pencen kerana menyertai Badan Berkanun Yang Diasingkan Saraan (BBDS).
24.	Adakah pesara yang bersara atas dasar penswastaan atau pengkorporatan layak dibayar Bantuan Khas Kewangan Tahun 2023?	Layak. Sekiranya mereka adalah penerima pencen.

“SABAH MAJU JAYA”

BIL.	SOALAN	KELAYAKAN
25.	Adakah pesara yang meninggal dunia sebelum 17 Januari 2023 layak diberi Bantuan Khas Kewangan Tahun 2023?	Bayaran Bantuan Khas Kewangan Tahun 2023 hanya akan dibayar kepada Penerima Pencen Terbitan yang layak.
26.	Adakah pesara atau penerima pencen terbitan yang meninggal dunia pada 17 Januari 2023 layak diberi Bantuan Khas Kewangan Tahun 2023?	Layak. Pesara atau penerima pencen terbitan yang meninggal dunia pada 17 Januari 2023 layak diberi Bantuan Khas Kewangan Tahun 2023 sebanyak RM350.00.
27.	Sekiranya pesara mempunyai rekod di JPA dan JHEV, jabatan manakah yang akan membuat bayaran Bantuan Khas Kewangan Tahun 2023 kepada pesara tersebut?	Bantuan Khas Kewangan Tahun 2023 hanya dibayar sekali sahaja oleh Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia sebanyak RM350.00.
28.	Adakah pesara yang bersara secara pilihan yang belum menerima pencen layak dibayar Bantuan Khas Kewangan Tahun 2023?	Layak. Bayaran Bantuan Khas Kewangan tahun 2023 sebanyak RM350.00 turut diperluaskan kepada pesara yang bersara secara pilihan yang belum menerima pencen.

C. Punca Pengiraan Bantuan Khas Kewangan Tahun 2023

BIL.	SOALAN	KELAYAKAN
Gaji		
29.	Amaun manakah yang diambil kira untuk pengiraan Bantuan Khas Kewangan Tahun 2023 ini?	Gaji Pokok.
30.	Bolehkah saya menunggu kenaikan gaji tahunan tahun 2023 untuk pengiraan bayaran Bantuan Khas Kewangan Tahun 2023?	Tidak boleh. Gaji yang digunakan untuk pengiraan Bantuan Khas Kewangan Tahun 2023 adalah gaji akhir pada 31 Disember 2022. Sekiranya gaji pada tahun 2022 belum diselaraskan sehingga 31 Disember 2022 maka pengiraan Bantuan Khas boleh diselaraskan semula mengikut gaji sebenar pada tahun 2022.

“SABAH MAJU JAYA”